

## KONTEKS HISTORIOGRAFI SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS

**Aidil Farina Omar dan Azmul Fahimi Kamaruzaman**

Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia  
*puanaidil@yahoo.com*

### **ABSTRAK**

Artikel ini menumpukan kepada latar belakang dan kronologi perkembangan Syed Muhammad Naquib al-Attas sebagai seorang tokoh ilmuwan pada abad ke dua puluh dan dua puluh satu yang diiktiraf oleh sarjana Timur mahupun Barat. Objektif kajian ini adalah untuk memahami pemikiran sejarah al-Attas yang menyumbang kepada pentafsiran semula sejarah kedatangan dan penyebaran Islam di Alam Melayu. Oleh yang demikian, pemerincian yang saintifik perlu membincangkan bukan sekadar pemikiran al-Attas tetapi merangkumi kehidupan dan kesarjanaannya juga. Ini berdasarkan metode kajian sejarah seperti yang disarankan oleh Gilbert J. Garraghan. Metode kajian ini adalah pendekatan kajian sejarah dan analisis kandungan dokumen menerusi pengolahan data secara kronologi dan tematik. Perbincangan dalam artikel ini meliputi latar belakang al-Attas dari segi konteks sosial, politik dan intelektual. Kajian mendapat konteks sosial, intelektual dan politik al-Attas mempunyai kaitan secara langsung dan tidak langsung terhadap pentafsiran al-Attas terhadap sejarah kedatangan dan penyebaran Islam di Alam Melayu sama ada dari segi sumber, metode dan skop.

**Kata Kunci:** Al-Attas, Konteks Historiografi, Sejarah Kedatangan dan Penyebaran Islam di Alam Melayu

*Historiographical Context of Syed Muhammad Naquib Al-Attas*

### **ABSTRACT**

*This article is focusing on the background and chronological development of Syed Muhammad Naquib al-Attas as a distinguished scholar of the twentieth and twenty first century. The objective is to understand al-Attas' historical thought that contributes to the reinterpretation of history on the coming and spreading of Islam into the Malay World. Thus, a scientific explanation not only discussing on his thought but also his life and scholarly development. This is based on the historical methodology suggested by Gilbert J. Garraghan. The methods of this study are historical study and document analysis through chronological and thematic data. This article will discuss on the background of al-Attas in social, political and intellectual context. The findings indicated al-Attas reinterpretation of history on*

*the coming and spreading of Islam into the Malay World have been direct and indirectly influenced by his social, political and intellectual context.*

**Keywords:** *Al-Attas, Historiographical Context, History on the Coming and Spreading of Islam into the Malay World*

## PENGENALAN

Artikel ini membincangkan pemikiran sejarah al-Attas yang menyumbang kepada pentafsiran semula sejarah kedatangan dan penyebaran Islam di Alam Melayu. Justeru kajian akan membincangkan latar belakang al-Attas dari segi konteks sosial, politik dan intelektual. Latar belakang al-Attas yang meliputi biografi dan peringkat pendidikan beliau diperihalkan dalam konteks sosial. Ini adalah untuk memahami pembentukan pemikiran dan kecenderungan al-Attas terhadap ilmu. Manakala, konteks intelektual meliputi perkembangan pemikiran al-Attas dalam bidang kesusasteraan, falsafah dan metafizik, teologi dan sejarah. Bahagian ini turut meliputi karya-karya ilmiah al-Attas dalam bidang-bidang tersebut serta perkaitannya dengan bidang sejarah. Konteks politik pula merangkumkan perkembangan politik semasa yang melatari profesion al-Attas sebagai seorang ilmuwan.

## KAJIAN LITERATUR

Riwayat hidup al-Attas dari segi tarikh dan tempat lahir, susur galur keturunannya telah dihurai dan dibuktikan oleh Wan Mohd Nor Wan Daud dalam beberapa penulisannya sejak tahun 1998 sehingga tahun 2012. Justeru, penulisannya telah menjadi rujukan utama kepada kajian-kajian seperti kajian Bambang Setyabudi (2004), Aisyah Ngadiran (2012), Muhammad Azizan Sabjan (2014) dalam memperihalkan latar belakang al-Attas. Kajian ini merujuk penulisan Wan Mohd Nor Wan Daud sebagai rujukan utama dalam memperihal latar belakang al-Attas. Disamping itu, kajian ini juga merujuk penulisan Muhammad Zainiy Uthman yang menyertakan latar belakang al-Attas dalam karya al-Attas yang diterjemahkan olehnya ke dalam bahasa Melayu (al-Attas, 2002).

## METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif yang mengaplikasi pendekatan kajian sejarah dan analisis kandungan. Bagi memahami pemikiran tokoh ini dalam pentafsiran sejarah kedatangan dan penyebaran Islam di Alam Melayu, pengolahan data secara kronologi daripada sumber-sumber yang didapati, analisis dokumen dan perbandingan digunakan.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### KONTEKS SOSIAL

Syed Muhammad Naquib al-Attas merupakan anak kelahiran Bogor, Jawa Barat dan dilahirkan pada 5 September 1931. Nama penuh beliau ialah Muhammad Naquib ibn Ali ibn Abdullah ibn Muhsin al-Attas. Dalam penulisan para sarjana, beliau lebih dikenali dengan panggilan al-Attas<sup>1</sup>. al-Attas berketurunan Arab, susur galur keturunan *ahl al-bayt* atau *sayyid* menerusi sebelah bapanya iaitu daripada keluarga Ba‘Alawi di Hadhramaut yang sampai kepada Imam Hussein, cucu Nabi Muhammad s.a.w. Kedudukan al-Attas sebagai keturunan yang ke-37 tercatat dalam salasilah rasmi milik keluarga beliau (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2012a). al-Attas dalam pernyataannya jelas menegaskan beliau berketurunan *ahl al-bayt* dari kelompok *ahlul sunnah wal Jamaah* dan bukannya Syiah (Wan Mohd Nor, 2007)<sup>2</sup>. Antara leluhur beliau yang terkenal adalah Sayyid Muhammad al-‘Aydarūs, *Shaykh* kepada Sayyid Abū Hafs ‘Umar Bā Shaybān di Hadhramaut, yang memperkenalkan *Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī* kepada tariqat Rifā‘iyyah.

Bapa Syed Muhammad Naquib iaitu Ali ibn Abdullah ibn Muhsin al-Attas berasal dari Johor dan berkahwin dengan ibu Syed Muhammad Naquib, Syarifah Raquan Al-Aydarus. Syarifah Raquan dilahirkan di Bogor, Jawa Barat dan berketurunan Ningrat Sunda di Sukapura (Wan Mohd Nor, 2012a). Berdasarkan nama keluarga bonda Syed Muhammad Naquib iaitu Al-Aydarus, merupakan salah satu keturunan *Ba‘Alawi* yang berada di Alam Melayu (Kushimoto, 2013). Sejak berusia lima tahun al-Attas telah tinggal di Johor bersama ibu saudaranya iaitu Azizah, anak kepada nendanya Ruqayah Hanum bersama Dato’ Jaafar Bin Hj Muhammad. Azizah Jaafar seorang aktivis yang bergiat cergas dalam *Women’s Institute* (WI), iaitu sebuah kumpulan yang giat melatih wanita-wanita khususnya di luar bandar (Asmah, 2015) 2015). Kemudian pada tahun 1946 sehingga 1951, al-Attas tinggal bersama bapa saudaranya Ungku Abdul Aziz Bin Ungku Abdul Majid yang pada ketika itu merupakan Menteri Besar Johor yang keenam dan kemudian bersama bapa saudaranya Dato’ Onn bin Dato’ Jaafar ketika beliau menjadi Menteri Besar Johor yang ketujuh (Wan Mohd Nor, 2012a).

Syed Muhammad Naquib mempunyai tiga orang adik-beradik lelaki dan merupakan anak kedua. Yang sulung adalah Syed Hussein Alatas (m. 2007), seorang yang berpelajaran tinggi. Beliau merupakan ahli sosiologi dan merupakan Naib Canselor Universiti Malaya dari tahun 1988 sehingga tahun 1991. Syed Hussein Alatas juga merupakan pengasas parti Gerakan Rakyat. Manakala, adik bongsu beliau adalah Syed Zaid (m. 2003), merupakan seorang jurutera kimia dan bekas pensyarah di Institut Teknologi Mara (Wan Mohd Nor, 2012a). Pada tahun 1961, Syed Muhammad Naquib berkahwin dengan Latifah al-Attas atau nama asalnya Moira Maureen O’Shay dan dikurniakan seramai empat orang anak iaitu Sharifah Faizah al-Attas, Syed Ali Tawfiq al-Attas, Sharifah Shifa’ al-Attas dan Syed Haydar al-Attas (Wan Mohd Nor, 2012a). Beliau telah menunaikan fardu haji pada tahun 1973 (al-Attas, 2002).

Berdasarkan maklumat-maklumat ini, pengkaji menyimpulkan bahawa al-Attas seorang berketurunan mulia berasal dari keluarga elit di Alam Melayu.

Walaupun al-Attas berasal dari Bogor, Indonesia, beliau mempunyai ramai kaum kerabat di Tanah Melayu khususnya di Johor. Walaupun tiada maklumat mengenai sosioekonomi ibu bapa al-Attas, namun berdasarkan maklumat yang telah dibincangkan, pengkaji menyimpulkan al-Attas melalui persekitaran yang stabil dan bahagia sepanjang zaman kanak-kanak dan remaja beliau. Suasana ini menyumbang kepada perkembangan diri dan intelektual beliau apabila beliau mula menerima pendidikan rasmi. Maka dapat difahami bagaimana latar belakang keluarga al-Attas daripada kalangan aktivis, pendakwah dan pentadbir membina keperibadian beliau sebagai seorang ilmuwan Islam yang tidak bersikap ‘*inferior*’ terhadap Barat dari segi pemikiran dan penulisan.

Selanjutnya, berdasarkan penelitian pengkaji terhadap pernyataan al-Attas mengenai susur galur beliau, serta pengetahuan beliau sebagai keturunan ke 37 dari salasilah keluarga beliau menunjukkan al-Attas memaklumi bahawa salasilah keluarga merupakan sebahagian daripada tradisi *Ba 'Alawi* yang penting, berfungsi bukan sekadar sebagai catatan salsilah keluarga tetapi juga sebagai bahan dokumentasi sejarah. Menerusi salasilah keluarga ini, al-Attas merungkai sejarah perkembangan Islam khususnya melalui penghijrahan keturunan ‘Alawi ke Alam Melayu iaitu dari segi konteks masa, aliran pemikiran, individu-individu yang memainkan peranan penting dalam menyebarkan Islam serta sumbangan mereka (Sharifah Zahra Aljuneid, 2013).

## KONTEKS INTELEKTUAL

Zaman kanak-kanak al-Attas seawal usia lima tahun telah dititikberatkan dengan kepentingan ilmu pengetahuan oleh keluarganya sama ada di Indonesia atau di Johor. Hasil didikan inilah yang mempengaruhi pembentukan dan kecenderungan pemikiran beliau terhadap ilmu. Menurut Wan Mohd Nor (2012a:5), al-Attas telah dihantar ke Johor oleh keluarganya untuk menerima pendidikan rasmi di Sekolah Dasar Ngee Heng (1936-1941). Kemudian melanjutkan pelajarannya dalam pengajian berbahasa Arab di Madrasah *Al-'Urwatu Al-Wuthqa* di Sukabumi (1941-1945). Pada 1946-1951, beliau meneruskan pengajiannya di Bukit Zahrah School dan seterusnya di English College di Johor. Selain menerima pendidikan secara rasmi, al-Attas dibesarkan dalam persekitaran keluarga yang berpendidikan. Di alam persekolahan beliau, beliau sudah terdedah dengan karya-karya kesusasteraan, sejarah Melayu serta klasik Barat yang dimiliki oleh bapa saudaranya iaitu Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Majid. Pendedahan awal ini mendorong beliau untuk mendalami bidang kesusasteraan, sejarah dan agama serta mengumpul koleksi peribadinya di usia dewasa beliau (Wan Mohd Nor, 2012a).

Sebelum mengikuti pengajian secara formal dalam bidang yang diminatinya, al-Attas telah menyertai Rejimen Melayu dan mengikuti pendidikan ketenteraan di Eton Hall, Chester, Wales, dan kemudian di Royal Military Academy, Sandhurst, England dari tahun 1952 hingga 1955 (Wan Mohd Nor, 2012a). Dalam tempoh pengajian beliau di Sandhurst, al-Attas telah berkenalan dengan metafizika para sufi iaitu karya-karya *Jāmī* (Wan Mohd Nor, 2012a). Kerjaya al-Attas sebagai pegawai tentera tidak lama setelah menamatkan pengajian ketenteraan, kerana beliau

meneruskan pengajiannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaya, Singapura dari tahun 1957 sehingga 1959.

Di peringkat Ijazah Sarjana Muda, al-Attas telah menulis sebuah karya sastera Melayu Sufi berjudul *Rangkaian Ruba 'iyat*, dicetak oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada 1959. Kemudian, beliau menghasilkan sebuah karya ilmiah dalam bidang Falsafah Islam (*taṣawwuf*) berjudul *Some Aspects of Sufism as Understood and Practised Among the Malays* diterbitkan oleh Institut Penyelidikan Sosiologi Malaysia pada 1963 (Wan Mohd Nor, 2012a). Hasil usaha penyelidikan beliau ini, beliau telah menerima tiga anugerah ilmiah daripada lima anugerah ilmiah yang diperuntukkan oleh *Canada Council* untuk rakyat Malaysia (Al-Attas, 2002). Al-Attas kemudian melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Falsafah Islam (*taṣawwuf*) di Institute of Islamic Studies, Universiti McGill, Montreal pada tahun 1960. Beliau berjaya menyelesaikan tesisnya bertajuk *Raniri and the Wujudiyyah of 17<sup>th</sup> Century Aceh* pada 1962 dan lulus dengan kepujian. Pada 1963, al-Attas melanjutkan pengajiannya di peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Beliau dibimbing oleh Profesor A.J. Arberry dan Dr. Martin Lings di *School of Oriental and African Studies* (SOAS), Universiti London. Kajian beliau bertajuk *The Mysticism of Hamzah Fansuri* telah diterima sebagai tesis Ph.D pada Mei, 1966 dalam bidang falsafah, teologi dan metafizika Islam serta kesusasteraan Melayu Islam (al-Attas, 1968).

Berdasarkan sekolah-sekolah yang telah dimasuki oleh al-Attas jelas menunjukkan beliau telah mempelajari bahasa Inggeris dan Arab sama ada pada peringkat awal atau pertengahan sebagai asas ke peringkat yang lebih tinggi. Manakala, sumber-sumber bacaan yang bermutu dalam bahasa Melayu dan Inggeris, yang mudah didapati beliau melalui koleksi perpustakaan yang dimiliki oleh bapa saudaranya, Ungku Abdul Aziz, menambah peluang beliau untuk menguasai bahasa-bahasa tersebut (al-Attas, 2002). Al-Attas berkebolehan bercakap dan menulis dengan baik dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Penguasaan bahasa ini bertambah seiring dengan peningkatan ilmunya di peringkat pengajian tinggi. Ini membuka ruang dan peluang untuk al-Attas memahami dengan lebih baik pelbagai bidang ilmu. Penguasaan Al-Attas dalam bidang bahasa bukan sekadar menterjemah, malah beliau mampu untuk menghuraikannya, menghubungkait perkataan dan makna serta menunjukkan penguasaannya dalam bahasa tersebut melalui penghuraian analisisnya yang jelas dan sistematik<sup>3</sup>. Selain itu, beliau turut menguasai bahasa Indonesia, Sunda, Sepanyol dan Belanda (al-Attas, 2002). Selain dari penguasaan bahasa, beliau juga sudah dididik dengan asas pengajian agama. Berkemungkinan, pendedahan dengan metafizika para Sufi dari karya-karya Shaykh Nurud-din Abdul Rahman Jāmī, mendorong al-Attas untuk meneruskan penyelidikannya dalam bidang yang berkaitan ketika menyambung pengajiannya di Institusi Pengajian Tinggi.

Penyelidikan al-Attas khususnya di peringkat sarjana dan doktor falsafah mendapat kemudahan sumber rujukan yang tinggi nilainya untuk kajian beliau yang terdapat dalam koleksi perpustakaan di Barat seperti manuskrip-manuskrip koleksi Snouck Hurgronje iaitu karya Hamzah Fansuri berjudul *Asrāru'l-'Arifin* dan *Sharābu'l-'Ashiqīn* (al-Attas, 1970). Beliau juga mendapat bimbingan intelektual para sarjana Barat yang terkenal dengan penguasaan mereka dalam ilmu *aqliah*

(rasional dan empirikal) dan semangat penyelidikan yang tinggi yang membimbang al-Attas dalam penyelidikannya dalam bidang Falsafah Islam (*taṣawwuf*)<sup>4</sup>. Dalam penyelidikan al-Attas khususnya terhadap Hamzah Fansuri, al-Attas mengaplikasi metode penyelidikan “*commentary methods*” iaitu kaedah perbandingan dengan karya-karya terdahulu yang mengandungi persamaan dari segi idea dan ajarannya, dan “*linguistic and semantic approach*” iaitu pendekatan bahasa dan ilmu semantik (al-Attas, 1970). Pendekatan tersebut mendedahkan al-Attas kepada pemikiran sarjana-sarjana Barat, Timur serta Islam terdahulu yang dimanfaatkan dalam kajianya seperti pemikiran S.Ullmann, Toshihiko Izutsu dan al-Ghazzali. Melalui kajian tersebut juga, memperlihatkan al-Attas tidak asing terhadap karya-karya ilmuwan Islam silam seperti Muhyi'l-Din ibnu'l -'Arabi, 'Abdu'l Karīm Jīlī, 'Irāqī, Shīblī dan 'Aṭṭār (al-Attas, 1970). Di samping itu, al-Attas turut merujuk karya-karya klasik Melayu yang juga sebahagian daripada sumber pencestarianan Alam Melayu seperti Sejarah Melayu, Hikayat Aceh, Hikayat Hang Tuah, Hikayat Pelayaran Abdullah (al-Attas, 1970). al-Attas turut mengambil inisiatif sendiri untuk mengembara ke negara-negara Eropah dan Afrika Utara untuk lebih memahami budaya dan pemikiran Barat serta warisan Islam (Wan Mohd Nor, 2012a). Menurut Wan Mohd Nor (2012a) ketika menuntut di Kanada, al-Attas telah berkenalan dengan para sarjana seperti Sir Hamilton Gibb (Britain), Fazlur Rahman (Pakistan), Toshihiko Izutsu (Jepun) dan Seyyed Hossein Nasr (Iran). Adalah berkemungkinan hasil perkenalan ini telah mendedahkan al-Attas kepada pemikiran-pemikiran ilmiah yang kontemporari yang di antaranya dimanfaatkan semasa beliau menulis karya-karyanya seperti *The Mysticism of Hamzah Fansuri*<sup>5</sup>.

Melalui karya-karyanya juga, jelas memperlihatkan pengaruh pemikiran ilmuwan Islam silam seperti pemikiran al-Ghazzali (505/1111) (Wan Mohd Nor, 2012a). Petikan dan idea pemikiran al-Ghazali terlihat dalam karya al-Attas iaitu *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education* (1980). Konsep *adab* merupakan salah satu idea ulung al-Attas yang turut menunjukkan pengaruh pemikiran *Hujjatul Islam* Abū Ḥāmid al-Ghazzālī (Wan Mohd Nor, 2012a). Al-Attas bukan sekadar memetik dari pemikiran ilmuwan silam tetapi menunjukkan penguasaannya dalam menghurai dan memurnikan semula pemikiran-pemikiran tersebut dalam konteks permasalahan masa kini (Wan Mohd Nor, 2012a). Menurut Muhammad Zainiy Uthman, pemikiran al-Attas turut mempengaruhi perkembangan intelektual di Asia Tenggara dan Dunia Islam (al-Attas, 2002). Perkembangan ini meliputi kelompok masyarakat seperti dalam bidang politik, pendidikan dan sastera. Dalam bidang sejarah, pemikiran beliau mendorong para sarjana untuk menilai semula sejarah dan pencestarianan Islam di Asia Tenggara. Usaha beliau menggunakan bahasa Melayu dalam beberapa karya ilmiah beliau serta menjadikannya sebagai bahasa pengantar di peringkat pengajian tinggi, merupakan sumbangan beliau untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmiah.

Terdapat lebih kurang 31 buah karya utama yang telah dihasilkan oleh al-Attas sejak tahun 1956 sehingga 2015. Kebanyakan karya al-Attas adalah dalam bidang falsafah, metafizik dan teologi Islam di samping tiga buah karya kesusasteraan Melayu dan empat buah karya dalam bidang sejarah. Karya-karya beliau telah dimanfaatkan oleh para sarjana dalam pelbagai bidang seperti

pendidikan, bahasa dan kesusasteraan Melayu, teologi dan falsafah. Namun begitu, kajian mengenai epistemologi al-Attas dalam bidang sejarah adalah sangat kurang. Karya beliau dalam bidang falsafah, metafizik dan teologi telah dinukilkan oleh para sarjana dan pengkaji dalam pelbagai bidang seperti E. C. G. Barret, Wan Mohd Nor Wan Daud, Muhammad Zainiy Uthman, Ugi Suharto, Hamid Fahmi Zarkasyi, Adnin Arimas, Adian Husaini, Adi Setia Md Dom, Aliza Alias, Ahmed Kazemi Moussavi, Salina Ahmad dan ramai lagi. Justeru, karya-karya al-Attas ini juga penting dalam menjelaskan pemikiran sejarah al-Attas.

Pemikiran al-Attas khususnya dalam bidang sejarah adalah dalam karya *Preliminary Statement On A General Theory Of The Islamization Of The Malay - Indonesian Archipelago* (1969), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (1972), *The Correct Date of the Terengganu Inscription* (1970), dan *Historical Facts and Fictions* (2011). Karya-karya ini menjadi rujukan ramai sarjana dan pengkaji antaranya ialah Wan Mohd Nor Wan Daud, Tatiana Denisova, Aliza Alias, Syed Muhd Khairuddin Aljunied dan Aisyah Ngadiran.

### **Senarai Karya al-Attas & Anugerah Penghargaan**

Menurut Wan Mohd Nor (2012), karya-karya al-Attas sejak dari tahun 1959 sehingga 2011 terdapat lebih kurang 31 buah buku dan monograf, jumlah ini tidak termasuk artikel-artikel yang telah ditulis oleh beliau. Kebanyakan karya-karya beliau telah ditulis dalam bahasa Inggeris dengan tujuan agar pemikiran beliau dapat sampai kepada ilmuwan-ilmuwan Islam dan bukan Islam di seluruh dunia (al-Attas 2001, 2002). Jelas bahawa karya-karya beliau sangat berpengaruh kerana telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Indonesia, Parsi, Arab, Urdu, Malayalam, Indonesia, Perancis, Jerman, Rusia, Bosnia, Jepun, India, Korea, dan Albania. Selain penghasilan karya-karya ini, beliau turut menyampaikan beratus ceramah ilmiah di peringkat tempatan dan antarabangsa. Beliau turut menyampaikan siri syaranan Mingguan Malam Sabtu (*Saturday Night Lectures*) yang telah diadakan sejak tahun 1991 sehingga 2002 di ISTAC, dan dari tahun 2012 sehingga 2014 di CASIS, UTM Kuala Lumpur.

Menurut Wan Mohd Nor (2012) karya-karya Syed Muhammad Naquib yang dalam bentuk bercetak adalah seperti berikut:

- 1) *Rangkaian Rubu'iyat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959.
- 2) *Some Aspects of Sufism as Understood and Practised Among the Malays*, Malaysia Sociological Research Institute, Singapura, 1963.
- 3) *Raniri and The Wujudiyyah of 17<sup>th</sup> Century Aceh*, Monograph of the Royal Asiatic Society, Cabang Malaysia, No 111, Singapura, 1966.
- 4) *The Origin of the Malay Shair*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968.
- 5) *Preliminary Statement On A General Theory Of The Islamization Of The Malay - Indonesian Archipelago*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1969.
- 6) *The Mysticism of Hamzah Fansuri*, University Malaya Press, Kuala Lumpur, 1970.

- 7) *The Correct Date of the Terengganu Inscription*, Muzium Negara, Kuala Lumpur, 1970.
- 8) *Concluding Postscript to the Origin of the Malay Shair*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1971.
- 9) *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, 1972.
- 10) *Risalah Untuk Kaum Muslimin*, ditulis pada 1973 dan diterbitkan oleh Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam, Kuala Lumpur, 2001. Lihat no 27.
- 11) *Comments on the Reexamination of al-Raniri's Hujjat al-Siddiq: A Refutation*, Muzium Negara, Kuala Lumpur, 1975.
- 12) *Islam: The Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality*, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Kuala Lumpur, 1976. Diterjemahkan ke dalam bahasa Turki, Jepun dan Korea (al-Attas, 2001).
- 13) *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*, Angkatan Belia Islam Malaysia ABIM, Kuala Lumpur, 1977. Versi bahasa Melayu.
- 14) *Islam and Secularism*, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Kuala Lumpur, 1978. Diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, Farsi, Urdu, Hindi, Malayalam, Indonesia, Bosnia, Albania (Al-Attas, 2001).
- 15) (Editor) *Aims and Objectives of Islamic Education*, Hodder and Stoughton dan King Abdul Aziz University, London, 1979.
- 16) *The Concept of Education in Islam: A Frame work for an Islamic Philosophy of Education*, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Kuala Lumpur, 1980.
- 17) *The Positive Aspects of Taṣawwuf: Preliminary Thoughts on An Islamic Philosophy of Science*, Islamic Academy Of Science (ASASI), Kuala Lumpur, 1981.
- 18) *Islam, Secularism and the Philosophy of the Future*, Mansell Publishing, London, 1985.
- 19) *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16<sup>th</sup> Century Malay Translation of the 'Aqaid of Al-Nasafi*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988.
- 20) *Islam and The Philosophy of Science*, ISTAC, Kuala Lumpur, 1989. Diterjemahkan ke dalam bahasa Turki, Farsi, Bosnia, Indonesia (al-Attas, 2001).
- 21) *The Nature of Man and The Psychology of the Human Soul: A Brief Outline and A Framework for an Islamic Psychology and Epistemology*, International Islamic Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University, 1990. Diterjemahkan ke dalam bahasa Farsi (al-Attas, 2001).
- 22) *The Intuition of Existence*, ISTAC, Kuala Lumpur, 1990.
- 23) *On Quidity and Essence*, ISTAC, Kuala Lumpur, 1990.
- 24) *The Meaning and Experience of Happiness in Islam*, ISTAC, Kuala Lumpur, 1993. Diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, Jerman, Turki dan Itali (al-Attas, 2001).
- 25) *The Degrees of Existence*, ISTAC, Kuala Lumpur, 1994.

- 26) *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*, ISTAC, Kuala Lumpur, 1995. Diterjemahkan ke dalam bahasa Rusia dan Farsi (al-Attas, 2001).
- 27) *Risalah Untuk Kaum Muslimin*, ISTAC, Kuala Lumpur, 2001.
- 28) *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2007.
- 29) *The ICLIF Leadership Competency Model (LCM): An Islamic Alternative*, The International Centre for Leadership in Finance (ICLIF), Kuala Lumpur, 2007. Buku ini ditulis bersama Wan Mohd Nor Wan Daud.
- 30) *Historical Fact and Fiction*, Universiti Teknologi Malaysia Press, Johor Bharu, 2011.
- 31) *On Justice And The Nature of Man: A Commentary on Surah Al-Nisa'* (4):58 *Surah Al- Mu'minun* (23):12-14, IBFIM, Kuala Lumpur, 2015.

Al-Attas diiktiraf di dalam dan luar negara dengan pelbagai penghargaan yang dianugerahkan kepada beliau. Beliau pernah dianugerahkan dengan Kursi Ilmiah iaitu Kursi Bahasa dan Kesusastraan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia (1972-1984), Pemegang Pertama Kursi Tun Abdul Razak di Universiti Ohio Amerika Syarikat (1980-1982), Pemegang Pertama Kursi Abu Hamid al-Ghazali di ISTAC (1993-), Kerusi Ibn Khaldun di American University di Amerika Syarikat (1980-an) serta pelbagai anugerah yang lain (Mohd Sani, 1999; Wan Mohd Nor, 2012a). Selain menerima anugerah di peringkat dalam dan luar negara, beliau juga sering terlibat dengan aktiviti ilmiah di peringkat antarabangsa sama ada sebagai peserta, fellow, perunding utama, pembicara, pengerusi dan Profesor pelawat (Wan Mohd Nor, 2012).

Sumbangan al-Attas sebagai seorang ilmuwan juga diiktiraf oleh kerajaan Malaysia melalui anugerah-anugerah yang diterima oleh beliau. Anugerah Tokoh Melayu Terbilang sempena Ulang Tahun UMNO ke-65 diterima oleh al-Attas daripada Dato Seri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada Mei 2011 (Wan Mohd Nor, 2011). Manakala pada Jun 2011, Tuanku Mizan Zainal Abidin menganugerahkan Darjah Kebesaran Persekutuan Panglima Setia Mahkota (P.S.M.), yang membawa gelaran Tan Sri, kepada al-Attas sempena sambutan Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong yang ke-13 (Wan Mohd Nor, 2012). Pada 3 Disember 2012, al-Attas menerima anugerah sempena Anugerah Merdeka bagi kategori Pencapaian Cemerlang Skalastis (Admincasis, 2012).

Pengkaji menyimpulkan bahawa sejak awal lagi, Syed Muhammad Naquib sudah dipersiapkan untuk menjadi seorang ilmuwan. Usaha beliau yang gigih dalam menguasai ilmu, menjadikan beliau berjaya untuk menyelesaikan pengajiannya di peringkat sarjana dan doktor falsafah dengan cemerlang dalam tempoh yang singkat. Perkembangan intelektual al-Attas bukan sekadar melalui bahan bacaan tetapi juga melalui pengalaman sendiri beliau ketika berada di luar negara untuk memahami kebudayaan, sejarah dan pemikiran Barat. Koleksi karya-karya Jāmī yang beliau dapati semasa menuntut di Sandhurst turut mempengaruhi minat beliau untuk mendalami bidang falsafah dan metafizika kemudiannya. Antara tokoh ilmuwan yang jelas dicontohi oleh al-Attas dalam pemikiran Muslim moden adalah *Hujjatul Islām* Abū Ḥamid al-Ghazzālī. Karya-karya beliau dalam bentuk buku, monograph

dan artikel membuktikan kewibawaan beliau dalam bidang tasawuf, falsafah dan metafizik, pendidikan dan sejarah. Kajian-kajian beliau menunjukkan penguasaan beliau dalam beberapa bahasa dan aplikasi metode semantik. Pengaruh mendalam pemikiran Islam membuatkan beliau jelas terhadap konsep-konsep teras yang disalahfaham oleh Orientalis Barat dalam karya-karya mereka. Menurut Wan Mohd Nor (2011), pemikiran dan kaedah ilmu al-Attas adalah teguh dan kerangka keilmuannya adalah tetap dan tidak berubah berlandaskan dasar-dasar ilmu dan agama. Berdasarkan kerangka keilmuan inilah al-Attas menghurai, memurni dan menjelaskan pelbagai bidang ilmu seperti bahasa, falsafah, pendidikan dan sejarah.

### **Karier Akademik**

Perkembangan karier akademik al-Attas di Malaysia dilihat dari tahun 1965-2002 iaitu ketika beliau mula berkhidmat di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, seterusnya di Universiti Kebangsaan Malaysia dan di Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC). Dalam selang masa tersebut, beliau turut dilantik sebagai Sarjana Pelawat dan Profesor Ternama di luar negara. Antaranya sebagai Sarjana Pelawat dan Profesor Pengajian Islam di Temple University, Philadelphia, Amerika Syarikat (1976-77), Penyandang pertama Kerusi Istimewa Tun Abdul Razak dalam Pengajian Asia Tenggara merangkap sebagai Profesor Ternama dalam Pengajian Islam di Ohio University (1981-83), Penyandang Kerusi Ilmiah Ibnu Khaldun di American University (1986)<sup>6</sup>, Washington Amerika Syarikat, Profesor Pengajian Islam di University of Wales, England.

Dalam tempoh tersebut juga, menurut Muhammad Zainiy Uthman (al-Attas, 2002), al-Attas telah diundang atas pelbagai kapasiti seperti Tetamu Negara Ke Soviet Union pada 1971 untuk menyampaikan syaranan di Institut Vostokovedenia, Moscow bertajuk Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu. Pada 1973, al-Attas dilantik sebagai pengurus panel dalam Kongres Antarabangsa Para Orientalis ke-29 di Paris mengenai Islam di Asia Tenggara. Pada 1976, beliau merupakan perunding utama dan pemidato dalam Pesta Dunia Islam di London. Pada 1978, al-Attas merupakan pengurus persidangan pakar-pakar sejarah Islam anjuran UNESCO yang berlangsung di Aleppo, Syria. Beliau juga merupakan pembentang utama mengenai Pendidikan Islam dalam Mu'tamar Dunia Kedua Sedunia di Islamabad pada 1980.

### **Universiti Malaya (UM)**

Al-Attas memulakan perkhidmatannya sebagai kakitangan akademik di Universiti Malaya, Kuala Lumpur di bawah Jabatan Pengajian Melayu pada 1965<sup>7</sup>. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Bahagian Kesusastraan di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Pada tahun 1968, beliau telah dilantik pula sebagai Dekan Fakulti Sastera, Universiti Malaya. Di sini beliau berkhidmat untuk beberapa tahun sebelum berkhidmat pula di Universiti Kebangsaan Malaysia. Menurut Wan Mohd Nor (2012), semasa al-Attas memimpin Fakulti Sastera, beliau telah memperbaharui struktur akademik fakulti dengan pelaksanaan aktiviti secara bersepadan antara

jabatan. Beliau juga memperjuangkan Bahasa Melayu dilaksanakan sebagai bahasa pengantar di peringkat fakulti dan Universiti.

### **Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**

Pada 1970, Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan dan al-Attas merupakan salah seorang daripada pengasas utamanya dan beliau terlibat dalam merencana dan mengagas dasar dan falsafah UKM. Sama seperti yang diusahakannya ketika di Universiti Malaya, al-Attas meneruskan usahanya mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di UKM. Selain itu, beliau menubuhkan Fakulti Sastera, Fakulti Pengajian Islam dan Fakulti Sains (Wan Mohd Nor, 2012). Kemudian beliau dilantik sebagai Ketua Jabatan Bahasa dan Kesusastraan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada 1973, beliau mengasaskan Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu (IBKKM) dengan persetujuan Parlimen dan dilantik sebagai Pengarah IBKKM. Di IBKKM, al-Attas mencadangkan konsep dan metode baru dalam kajian bahasa, kesusastraan dan kebudayaan dengan menekankan peranan sebenar agama Islam.

Pada 1973, ketika masih berkhidmat di UKM, al-Attas telah mencadangkan kepada Urusetia Islam di Jeddah, Arab Saudi untuk menganjurkan Persidangan Sedunia Pendidikan Islam (Mohd Sani Badron 1999). Seterusnya, Persidangan Pendidikan Muslim Sedunia telah dibuat di Universiti King Abdul Aziz, Makkah al Mukarramah pada 1977<sup>8</sup>. Dalam persidangan ini, al-Attas telah membentangkan kertas kerja bertajuk "*Preliminary Thoughts on the Nature of Knowledge and the Definition and Aims of Education*" pada 3hb April 1977 (al-Attas, 1999). Hasil persidangan ini, Pertubuhan Persidangan Islam (Organisation of Islamic Conference - OIC) telah mencadangkan penubuhan empat Universiti Islam Antarabangsa iaitu di Kuala Lumpur, Islamabad, Kampala dan Niger (Ghulam Nabi Saqeb 2000). Namun hanya Malaysia dan Islamabad yang berjaya merealisasikan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa iaitu Universiti Islam Antarabangsa Islamabad dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Menerusi initiatif Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Dato Seri Dr Mahathir Mohamad, UIAM berjaya ditubuhkan pada 1983 (Pauziah, 2012)). Manakala pada 1987, Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) yang merupakan salah satu autoriti UIAM telah ditubuhkan untuk peringkat sarjana (M.A.) dan peringkat kedoktoran falsafah (Ph.D.) (Mohd Sani Badron, 1999).

### **Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (International Institute of Islamic Thought and Civilization – ISTAC)**

Menurut Wan Mohd Nor (2012), Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Menteri Pendidikan Malaysia, al-Attas telah diberi kepercayaan sebagai Pengasas-Pengarah Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) yang ditubuhkan untuk program pasca siswazah. Pelantikan rasmi ini adalah pada 1hb Disember 1987 (Wan Mohd Nor, 1991). Menurut Wan Mohd Nor (1991), jawatan tersebut adalah setaraf dengan Rektor Universiti Islam Antarabangsa atau Naib

Canselor di universiti-universiti dalam negeri. Walaupun ISTAC adalah sebahagian daripada Universiti Islam Antarabangsa, namun bidang kuasa yang dimiliki oleh ISTAC, setaraf dengan Senat Universiti berdasarkan peraturan ISTAC 1989 (*International Institute of Islamic Thought and Civilization Rules* 1989). Pengerusi ISTAC yang pertama adalah Dato' Seri Anwar Ibrahim (1988 – 1998). Pada 1999, Pengerusi ISTAC adalah Dato' Seri Najib Abdul Razak, seterusnya Tan Seri Sanusi Junaid dari tahun 2000 sehingga 2008 (sehingga masa kontrak al-Attas ditamatkan pada tahun 2002).

Gagasan utama ISTAC yang dirangka oleh al-Attas adalah “Islamisasi Ilmu” berdasarkan pemikiran beliau yang telah dibentangkan dalam Persidangan Pendidikan Muslim Sedunia pada 1977 (Iskandar Arnel, 1999). Gagasan pengislaman ilmu yang ditunjangi oleh tradisi ilmuwan silam yang berautoriti ini adalah untuk mendepani cabaran-cabaran sekularisme yang sarat dalam ilmu semasa hasil falsafah dan kebudayaan Barat (Mohd Sani, 1999). Proses penafibaratan dan Islamisasi ilmu ini merupakan perkara teras yang dilaksanakan oleh al-Attas semasa di ISTAC (Wan Mohd Nor, 2012). Matlamat al-Attas ialah ISTAC sebagai institusi pendidikan Islam melahirkan ilmuwan yang bermutu tinggi dalam kerangka pandangan Alam Islam yang jelas dan utuh, cinta terhadap ilmu dan akhlak, memainkan peranan dalam masyarakat dalam menyampaikan ilmu yang benar iaitu sebagai ‘*al-Insan al-Kamil*’ sebagaimana yang telah ditayangkan oleh Rasulullah sebagai contoh terbaik manusia sepanjang zaman (Mohd Sani, 1999; Wan Mohd Nor, 2007).

Bermula dalam tahun 1991 sehingga Oktober 2002, al-Attas telah menyampaikan kuliah pada setiap hari Sabtu yang dikenali dengan nama *Saturday Night Lectures Series*. Selain para pelajar dan tenaga akademik ISTAC, kuliah ini turut dihadiri oleh orang luar dari pelbagai kalangan seperti diplomat asing, ahli akademik, golongan profesional, pentadbir dan pelajar universiti (Wan Mohd Nor, 2007). Pada September 2002, Peraturan ISTAC 1989 dimansuhkan iaitu kuasa autonomi ISTAC ditamatkan begitu juga dengan perkhidmatan al-Attas sebagai Pengasas-Pengarah ISTAC. Penamatkan ini turut disertai dengan “pembersihan ISTAC dari para ahli akademik dan sarjana penyelidik yang sealiran dengan beliau” (Md Asham, n.d.). Al-Attas telah membawa kes ini ke mahkamah dan setelah lima tahun kes ini berjalan, beliau bersetuju menerima penyelesaian di luar mahkamah (Wan Mohd Nor, 2012). Dalam tempoh 14 tahun (1988-2002), ISTAC di bawah pimpinan al-Attas berjaya melahirkan seramai 18 doktor falsafah dan 47 sarjana iaitu secara tepatnya sehingga Mac 2003 (Wan Mohd Nor, 2007).

## KONTEKS POLITIK

Zaman kanak-kanak al-Attas adalah suatu zaman ketika penguasaan penjajah Inggeris, Belanda dan Jepun di Alam Melayu. Inggeris menguasai Semenanjung Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah. Indonesia pula di bawah penguasaan Belanda. Manakala, Jepun menduduki Tanah Melayu dalam tempoh yang agak singkat iaitu ketika Perang Dunia Kedua (1942-1945). Pada 1948 sehingga 1960 pula merupakan zaman Darurat di Tanah Melayu kerana ancaman komunis. Latar belakang keluarga beliau iaitu dari kalangan kerabat diraja dan pemerintah Johor, menunjukkan al-

Attas di peringkat remajanya terdedah dengan suasana politik semasa di Tanah Melayu khususnya apabila bapa saudaranya, Dato Onn bin Jaafar menjadi presiden pertama UMNO (United Malay National Organization), salah sebuah parti politik di Tanah Melayu. Walaupun beliau tidak bergiat dalam bidang politik, namun beliau turut memberi sumbangan dari sudut seni iaitu dengan melukis bendera UMNO berserta lambang-lambangnya. Ketika dewasa, al-Attas memulakan kerjayanya sebagai Leftenan dalam Rejiman Askar Melayu Diraja dan bertanggungjawab mempertahankan tanah air daripada serangan komunis.

Perjuangan ini diteruskan al-Attas ketika beliau menuntut di Universiti Malaya di Singapura, dengan penubuhan gerakan Mahasiswa Islam iaitu Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM), sebuah persatuan yang bersifat pendidikan dan intelektual. Al-Attas telah dilantik menjadi Presiden pertama PMIUM (Abdul Rahman, 1998). Sekembalinya beliau dari luar negara setelah menyelesaikan pengajian, al-Attas memberikan bimbingan intelektual kepada beberapa gerakan kebangkitan Islam di Malaysia seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Gabungan Penulis Islam Malaysia (GAPIM) dan Akademi Sains Islam (ASASI). Al-Attas turut menyumbang dalam menghasilkan logo ABIM dan ASASI. Antara tokoh terkenal yang telah menerima bimbingan beliau ialah Dato' Seri Anwar Ibrahim, Osman Bakar, Siddiq Fadhil, Muhammad Afandi Hassan dan Fuad Hassan (Wan Mohd Nor, 2012).

Menurut Badlihisham Mohd Nasir (2015), al-Attas merupakan salah seorang tokoh yang sering dirujuk pendapatnya oleh ABIM dan pemikirannya mempengaruhi perjuangan ABIM sebagai sebuah gerakan intelektual Islam. Keselarian pemikiran ini jelas melalui ucapan dan penulisan pimpinan-pimpinan ABIM seperti Dato Seri Anwar Ibrahim (walaupun setelah beliau menyertai UMNO) dan Siddiq Fadhil (Abdul Rahman, 1988). Selain menekankan peranan Islam di Alam Melayu, ABIM memanfaatkan karya-karya al-Attas seperti *The Concept of Educational in Islam, A Framework for an Islamic Philosophy of Education* dalam bidang pendidikan (Badlihisham, 2015). Menurut Badlihisham lagi, idea Islamisasi ilmu oleh al-Attas yang didukung oleh ABIM diterjemah melalui penguasaan para intelek ABIM dengan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA) pada 1983. Ini diikuti dengan penubuhan Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC) pada 1987 yang diterajui oleh al-Attas. Justeru, pelantikan al-Attas ini bukanlah suatu kebetulan, kerana ia adalah hasil hubungan akademik yang terjalin di antara beliau dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim sejak 1960-an sehingga Dato' Seri Anwar dilantik sebagai Menteri Pendidikan Malaysia pada 1980-an. Seterusnya, idea Islamisasi Ilmu ini dapat dilihat melalui usaha reformasi polisi Dasar Pendidikan Kebangsaan pada 1987 dibuat oleh para intelektual ABIM termasuk Wan Mohd Nor Wan Daud dalam buku yang bertajuk Reformasi Pendidikan di Malaysia. Hasil usaha ini, Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) dan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dengan penekanan terhadap pendidikan Agama dan Moral. Pelaksanaan perancangan dalam menjayakan matlamat Islamisasi Ilmu ini dinaungi oleh Dato Seri Anwar Ibrahim, bekas Presiden ABIM, melalui jawatan yang dipegang olehnya dalam kerajaan setelah kemasukan beliau ke dalam UMNO pada 1982 (Badlihisham, 2015).

Dalam konteks politik Malaysia pada ketika itu, Wan Mohd Nor menjelaskan pendirian al-Attas sebagai seorang ilmuwan sangat jelas sama ada terhadap pimpinan Barisan Nasional atau parti pembangkang. Beliau dengan jelas menyatakan pendiriannya sebagai seorang ilmuwan walaupun idea-ideanya bertentangan dengan idea-idea pemerintah atau parti pembangkang. Perjuangan al-Attas sebagai seorang ilmuwan yang menekankan kefahaman sebenar terhadap faham-faham utama dalam Islam tetap diteruskan walaupun kontrak al-Attas kemudian sebagai Pengasas-Pengarah ISTAC ditamatkan pada 2002. Beliau terus berkarya dan menghasilkan beberapa buah penulisan yang penting seperti *The ICLIF Leadership Competency Model (LCM): An Islamic Alternative* (2007), Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam (2007), *Historical Facts and Fictions* (2011). Selain berkarya, beliau kemudian menyampaikan ilmunya dalam *Saturday Night Lectures Series* yang dianjurkan oleh mantan Timbalan Pengarah ISTAC, Profesor Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud, yang pada ketika itu menyandang jawatan Pengasas-Pengarah Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban (CASIS), di Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.

Pengkaji mendapati sejak di usia muda, al-Attas tidak melibatkan diri secara langsung dengan politik di Tanah Melayu atau Malaysia (setelah merdeka) walaupun kerabat terdekatnya merupakan pemimpin parti politik. Penglibatan beliau terserah sebagai seorang ilmuwan, yang membangkitkan kesedaran dan membetulkan pemahaman terhadap Islam. Ini turut merangkumi pemikiran beliau terhadap politik dunia Islam sama ada di dalam atau luar negara. Manakala, bakat seni yang dimiliki beliau dimanfaatkan sebaik-baiknya untuk membina semangat cinta agama dan tanah air. Infiltrasi ABIM ke dalam UMNO memberi ruang dan peluang yang lebih luas kepada pemikiran al-Attas dikembangkan dalam bentuk yang lebih sistematik dalam bidang pendidikan khususnya dengan perlantikan beliau sebagai peneraju ISTAC. Justeru, apabila dasar infiltrasi ini terhenti oleh polemik politik pada 1998 (Badlihisham, 2015), ruang dan peluang ini seakan turut tertutup melalui penamatkan kontrak al-Attas pada 2002. Namun sebagai seorang ilmuwan, beliau tetap teguh menyampaikan idea-idea beliau melalui karya-karyanya sehingga hari ini.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian ini, konteks sosial, intelektual dan politik al-Attas mempunyai kaitan secara langsung dan tidak langsung dengan pentafsiran al-Attas terhadap sejarah kedatangan dan penyebaran Islam di Alam Melayu. Menerusi konteks sosial, pembentukan pemikiran dan kecenderungan al-Attas terhadap ilmu ditelusuri memperlihatkan penguasaan al-Attas dalam bidang bahasa khususnya bahasa Melayu dan Inggeris dalam kajian ilmiah beliau. Seterusnya pengetahuan ini dikembangkan melalui kaedah keilmuan yang mantap dalam pelbagai bidang ilmu seperti falsafah, metafizika dan teologi Islam serta sejarah. Dalam konteks intelektual, penulisan karya-karya beliau menekankan pada pemahaman mendalam terhadap konsep-konsep utama dalam Islam. Konsistensi pemikiran dan pengembangan idea dari yang dasar adalah saling berkait dan tidak berlaku pertentangan idea dasar dalam kerangka pemikirannya. Perkembangan pemikiran

al-Attas dalam pentafsiran sejarah alam Melayu juga semakin jelas dan mendalam sama ada dari aspek sumber, metode dan skop menerusi karya-karya beliau dimulai dengan *Some Aspects of Sufism as Understood and Practised Among the Malays* (ditulis pada 1959 dan diterbitkan pada 1963) dan dinaratifkan dalam karya beliau pada tahun 2011, *Historical Fact and Fiction*. al-Attas menggunakan kaedah keilmuan yang sama iaitu pemahaman yang benar terhadap konsep-konsep utama tersebut serta tradisi Islam untuk mentafsir sejarah Islam di alam Melayu. Dalam konteks yang sama, penubuhan ISTAC merupakan kemuncak daripada pemikiran al-Attas yang dizahirkan dalam falsafahnya merangkumi aspek luaran dan dalaman ISTAC. Konteks politik pula memperlihatkan peranan al-Attas sebagai seorang ilmuwan seawal tahun 1960-an menggerakkan gerakan-gerakan intelektual Islam di Malaysia ditunjangi dengan konsep Islamisasi ilmu. Seterusnya gerakan-gerakan intelektual Islam ini secara langsung dan tidak langsung mempengaruhi dasar-dasar kerajaan khususnya dalam konteks perkembangan pendidikan di Malaysia. al-Attas berperanan sebagai seorang ilmuwan menyatakan idea-ideanya walaupun pandangan tersebut tidak selari dengan kehendak pemerintah atau parti pembangkang.

### Nota Hujung

1. Lihat penulisan Wan Mohd Nor Wan Daud (2012), Mohammad Hannan Hassan (2012), Nurdeng Deuraseh (2012), Mohd Farid Mohd Shahran (2012).
2. al-Attas (2011) menjelaskan susur galur keturunan Rasulullah dengan terma ‘*Aliid*’ atau ‘*Alawi*’ yang merujuk kepada keturunan Ali r.a bersama Fatimah r.a dan juga dengan isterinya yang lain serta keturunan Ja ‘far bin Abi Talib. Pada zaman Umaiyyah dan Abasiyyah, *Syiah* atau ‘*Shi‘at Ali*’ ini merujuk kepada penyokong Ali sebagai Khalifah selepas kewafatan Rasulullah dan bukannya kepada golongan yang kemudiannya membentuk aliran pemikiran yang berbeza dari segi fiqh dan aqidah dengan *Ahlul Sunnah wal Jamaah*.
3. Analisis ini berdasarkan metode kajiannya iaitu “*Linguistic and Semantic Analysis*” yang diperkenalkan oleh Toshihiko Izutsu. Metode ini diaplikasi oleh al-Attas dalam kajiannya bertajuk *The Mysticism of Hamzah Fansuri*.
4. al-Attas mendapat bimbingan dan sokongan dari Martin Lings, nama Islam beliau ialah Abu Bakr Siraj Ad-Din seorang pakar dalam bidang Falsafah Islam ([www.worldwisdom.com/public/authors/Martin\\_Lings.aspx](http://www.worldwisdom.com/public/authors/Martin_Lings.aspx)); Richard Winstedt, pentadbir British di Tanah Melayu. Seorang pakar dalam Pengajian Melayu ([www.journals.cambridge.org](http://www.journals.cambridge.org)); A.J Arberry seorang sarjana dalam bidang bahasa Arab, Parsi dan Pengajian Islam ([www.studiesincomparative religion.com/public/authors/AJ\\_Arberry.aspx](http://www.studiesincomparative religion.com/public/authors/AJ_Arberry.aspx)); R.Roolvink seorang ahli sejarah yang menulis *Historical Atlas of the Muslim Peoples* (1957). Al-Attas mendapat kemudahan sumber rujukan dari perpustakaan Royal Asiatic Society, perpustakaan School of Oriental and African Studies dan Bibliotheca Academiae Lugduno-Batava, Rijksuniversiteit, Leiden.

5. Contoh seperti metode penyelidikan yang diaplikasi oleh al-Attas dalam kajian peringkat Doktor Falsafah beliau yang diperkenalkan oleh Toshihiko Izutsu.
6. Wan Mohd Nor (1991) menyatakan jawatan ini ditolak oleh al-Attas untuk menumpukan perhatian kepada tugasnya sebagai Pengasas-Pengarah ISTAC.
7. Wan Mohd Nor (2012) mencatat 1965, manakala Muhammad Zainiy Uthman dalam notanya mencatat 1966 (al-Attas, 2002).
8. First World Conference on Muslim Education 12-20 Rabi-utthani 1397 A.H. /31<sup>st</sup> Mac – 8<sup>th</sup> April 1977 A.D.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Abdullah. (1998). *Pemikiran Islam Di Malaysia: Sejarah Dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Admincasis. (2012). “Profesor Terulung UTM YBhg. Tan Sri Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas Dipilih Sebagai Penerima Anugerah Merdeka 2012.” *Universiti Teknologi Malaysia*.
- Aisyah Ngadiran. (2012). “Konsep Sejarah Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas: Kajian Terhadap Karya-Karya Terpilih.” Universiti Malaya.
- al-Attas, Syed Muhammad Naguib. (1968). *The Origin of the Malay Sha'ir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- . (1970). *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1999). *The Concept of Education in Islam: A Frame Work for an Islamic Philosophy of Education*. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought And Civilization (ISTAC).
- . (2002). *Ma 'Na Kebahagiaan Dan Pengalamannya Dalam Islam*. Translated by Muhammad Zainiy Uthman. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: IBFIM.
- . (2015). “Risalah Untuk Kaum Muslimin.” In *Himpunan Risalah*, 1–221. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Riwayat Ungku Aziz*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Badlihisham Mohd Nasir. (2015). *ABIM Dan PAS Dalam Gerakan Dakwah Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Bambang Setyabudi. (2004). “Konsep Kebebasan Manusia Dalam Pendidikan Islam Menurut Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas.” Institut Agama Islam Negeri Walisongo Semarang.
- Barret, E. C. G. n.d. “Muhammad Naguib al-Attas: Raniri and the Wujudiyyah of 17th Century Aceh.”
- Ghulam Nabi Saqeb. (2000). “Some Reflections on Islamization of Education Since 1977 Makkah Conference: Accomplishments, Failures and Tasks Ahead.” *Intellectual Discourse* 8 (1): 45–68.
- Gilbert J. Garraghan, S.J. (1946). *A Guide To Historical Method*. New York: Fordham University Press.
- Iskandar Arnel. (1999). “ISTAC Dan McGill : Catatan Pengalaman Seorang Siswa.”

*Al-Hikmah.*

- Kushimoto, Hiroko. (2013). "Re-Formation of the Saint's Image in Contemporary Malaysia: The Impact of Maulid Events and the Role of Hadrami Sayyids." *The Journal of Sophia Asian Studies* 31 (December): 51–68.
- Md Asham Bin Ahmad. n.d. "ISTAC Menuntut Pembelaan Rakyat Malaysia." *IKIM*.
- Mohammad Hannan Hassan. (2012). "Perjalanan Mencari Ma 'Na Dalam Pendidikan." In *Adab Dan Peradaban: Karya Pengiktirafan Untuk Syed Muhammad Naquib Al-Attas*, edited by Mohd Zaidi Ismail and Wan Suhaimi Wan Abdullah, Ed. ke-2, 61–87. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing.
- Mohd Farid Mohd Shahran. (2012). "Mithaq Sebagai Landasan Agama Dan Akhlak." In *Adab Dan Peradaban: Karya Pengiktirafan Untuk Syed Muhammad Naquib Al-Attas*, edited by Mohd Zaidi Ismail and Wan Suhaimi Wan Abdullah, Ed. ke-2, 115–31. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing.
- Mohd Sani Badron. (1999). "ISTAC Model IPT Islam Moden." *Al-Hikmah*.
- Muhammad Azizan Sabjan. (2014). "Syed Muhammad Naquib Al-Attas's Contributions to Malay World Studies: An Appraisal." *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 7 (1): 60–75.
- Nurdeng Deuraseh. (2012). "Memperkasakan Pengajian Dan Penyelidikan Sejarah, Falsafah Dan Etika Perubatan Islam Di ISTAC (1994-2002): Suatu Catatan Ringkas." In *Adab Dan Peradaban: Karya Pengiktirafan Untuk Syed Muhammad Naquib Al-Attas*, edited by Mohd Zaidi Ismail and Wan Suhaimi Wan Abdullah, Ed. ke-2, 89–113. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing.
- Pauziah. (2012). "Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia." *Arkib Negara Malaysia*. [http://hids.arkib.gov.my/print.php?type=A&item\\_id=7104](http://hids.arkib.gov.my/print.php?type=A&item_id=7104).
- Sharifah Zahra Aljuneid. (2013). "The Genealogy of the Hadhrami Arabs in Southeast Asia – the 'Alawi Family," 1–10.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1991). *The Beacon On The Crest Of A Hill*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought And Civilization (ISTAC).
- \_\_\_\_\_. (2007). *Budaya Ilmu : Satu Penjelasan*. Singapore: Pustaka Nasional Pte Ltd Singapura.
- \_\_\_\_\_. (2012). "al-Attas: Ilmuwan Penyambung Tradisi." In *Adab Dan Peradaban: Karya Pengiktirafan Untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas*, edited by Mohd Zaidi Ismail and Wan Suhaimi Wan Abdullah, 1–60. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing.